

KOMUNIKASI DALAM PENGLIBATAN IBU BAPA BAGI PELAKSANAAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN KHAS

(Communication in the Parent Involvement for the Implementation of Individual Education Programme with Special Needs)

Siti Hajarati binti Ramly^a, Aliza binti Alias^b

^{ab}Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
E-mail : sitihajarati@gmail.com

Abstrak: Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan satu dokumen yang merekodkan segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran serta perkhidmatan yang diperlukan oleh Murid Berkeperluan Khas (MBK) secara individu. Penglibatan ibu bapa merupakan salah satu elemen utama dalam pelaksanaan RPI yang efektif bagi keperluan MBK. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penglibatan ibu bapa dan elemen komunikasi yang meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI bagi MBK di sekolah-sekolah integrasi di daerah Klang, Selangor. Kajian tinjauan ini dijalankan terhadap 90 peserta (n=90), di mana borang soal selidik Likert-5 yang mengandungi 6 sub-tema dari model kekeluargaan Epstein iaitu terdiri daripada aspek keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti telah diedarkan. Hasil dapatan kajian mendapati tahap penglibatan mencatatkan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu min=3.87. Elemen komunikasi telah mencatatkan nilai min tertinggi iaitu min 3.83 dan ia menyokong objektif kajian, iaitu elemen komunikasi berkesan dapat meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa di tahap tinggi.

Kata Kunci: Penglibatan, Rancangan Pendidikan Individu (RPI), Murid Berkeperluan Khas (MBK), Ibu Bapa, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Komunikasi

Abstract: Individual Education Plan (IEP) is a document that records all modifications and implementation of learning programs and services needed by individual with special needs. Parental involvement is a key element in the effective implementation of the IEP. Therefore, this study was conducted to explore the impact of positive communication for parents in improving parental involvement to special needs students in integration school at Klang, Selangor. This survey study is conduct 90 participants (n=90) involving parents, in which using the Likert-5 questionnaire include six sub-themes such as parenting, communication, volunteering, learning at home, decision making and collaborate with the community has been used as the primary data. Quantitative data were analysed the mean descriptive statistic using SPSS 22 software to answer the research question. The results showed that the level of parental involvement achieve highest mean 3.87. While, the communication aspect has recorded the highest score of mean 3.83. The studied found that the level of parental involvement in terms of communication as a whole is set at a high level.

Keywords: Involvement, Individual Education Program (IEP), Special Needs, Communication

PENDAHULUAN

Kepelbagaian murid berkeperluan khas (MBK), memberikan kesukaran dalam menentukan penempatan, matlamat pembelajaran dan kriteria pentaksiran murid. Namun Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu rekod atau dokumentasi yang signifikan dalam memenuhi keperluan tersebut (Sullivan 2015).

Pendokumentasian RPI ini memerlukan penglibatan ibu bapa dalam memastikan maklumat dan sumber yang diperolehi sah dan dapat digunapakai bagi merancang program pembelajaran MBK dengan lebih berkesan dan menepati keperluan mereka seperti yang tercatat dalam Akta Pendidikan Orang Kurang Upaya (IDEA 2004).

Menurut Gartin dan Murdick (2004), RPI turut berperanan dalam mengambil kira kebimbangan ibu bapa dan mengumpul sebanyak mungkin maklumat

berkaitan murid dalam menangani setiap aspek potensi dan pembinaan pengurusan tingkah laku yang bersesuaian. Malahan, ibu bapa dianggap sebagai "closed institution" di mana khidmat mereka digunakan tanpa bayaran bagi penglibatan mereka dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu sedangkan guru telah dibayar untuk berkhidmat dalam menyediakan rancangan pengajaran dan pembelajaran mengikut bidang khusus mereka (Tveit 2009; Tucker & Schwartz 2013).

Menurut Staples & Diliberto(2010); Brownell &Walter(2002), telah menyokong keperluan penglibatan ibu bapa dalam mengambil bahagian dan

bertanggungjawab dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu adalah sinonim apabila ia termaktub dalam salah satu daripada enam prinsip utama dalam pindaan undang-undang Akta Pendidikan Kurang Upaya (IDEA 2004). Menurut Carter et al.(2009), beberapa dapatan kajian menunjukkan struktur penglibatan ibu bapa yang kukuh mampu pengaruh kesan yang positif terhadap perkembangan murid berkeperluan khas. Walaupun peranan ibu bapa sebagai salah satu ahli pasukan penyediaan RPI telah diterangkan jelas, namun proses dan pelaksanaannya dalam sekolah adalah bukan perkara yang mudah (Hodge & Runswick 2008; Turnbull et al. 2011). Oleh itu, guru perlu mengenal pasti, menghormati dan mengetahui keperluan ibu bapa dan mendukung falsafah permuafakatan iaitu kuasa dan tanggungjawab perlu dikongsi bersama-sama ibu bapa dan komuniti (Mapp 2002; Chrispeels & Rivero 2000).

Aspek Komunikasi

Guru-guru perlu mengambil inisiatif untuk mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI dengan mempraktikkan komunikasi yang berkesan (Williams-Diehm et al. 2014). Namun, sering berlaku salah faham komunikasi kerana kurangnya masa penglibatan bersama dalam program berkaitan pelaksanaan RPI (Brownell & Walter 2002; Madigan & Schroth-Cavataio 2010). Penglibatan bersama dapat mengelakkan berlakunya pertikaian dalam keputusan yang dibuat dalam pembinaan matlamat pembelajaran dalam RPI, mengurangkan kesilapan dan menolak berlakunya pertikaian dalam hak pendidikan murid berkeperluan khas seperti yang didokumenkan dalam IDEA (Christle & Yell 2010; Staples & Diliberto 2010).

Komunikasi adalah strategi terbaik dalam meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI. Guru yang menguasai komunikasi berkesan dalam terma menguasai kemahiran komunikasi unggul, mempunyai keupayaan melontarkan idea dan mesej dengan berkesan dalam pelbagai situasi. Justeru itu, seorang guru perlu bersabar dan memahami situasi masalah ibu bapa menerusi komunikasi yang baik (Turnbull et al. 2016).

Menurut Turnbull et al. 2008, komunikasi yang berkesan dengan memperuntukkan tindakan guru-guru dalam penyediaan penyelarasan maklumat, kemahiran mendengar, jujur, bersikap mesra dan jelas bagi meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa. Selain itu, keperluan yang paling utama oleh pihak ibu bapa terhadap pihak sekolah terutamanya guru adalah berkaitan maklumat. Indikator utama ini amat penting kerana, kedua-dua belah pihak iaitu pihak ibu bapa mahupun guru semestinya mempunyai pendapat dan pegangan sama ada ianya betul atau salah bergantung pada keperluan murid berkeperluan khas tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian Shapiro et al (2004), mendapati bahawa maklumat yang diperolehi daripada perkongsian dengan ibu bapa murid berkeperluan khas yang lain mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi sehingga berjaya. Malahan, menggunakan teknologi

yang mesra pengguna mampu menarik minat ibu bapa dalam melibatkan diri berkaitan pembelajaran anak dan dapat bersama-sama menyediakan Rancangan Pendidikan Individu dengan terperinci dan pelbagai peringkat (Edinippulige 2007; Mitchell & Sloper 2002). Penggunaan teknologi yang boleh diakses segera amat diperuntukkan dalam menjayakan komunikasi yang berkesan ini (Cook et al. 2003).

Dalam kajian Cashin (2010), komunikasi dua hala yang dapat membantu meningkatkan komunikasi antara ibu bapa dan guru adalah melalui penggunaan teknologi seperti telefon, telesidang dan penghantaran *email* telah meningkatkan penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan pembelajaran anak mereka di sekolah. Ini kerana komunikasi yang diterapkan, memudahkan untuk guru dan ibu bapa berkongsi pendapat, menyalurkan idea dengan mudah dan sekali gus dapat menjalinkan hubungan diplomasi secara harmoni.

Pelbagai cara boleh dilakukan oleh ibu bapa dan sekolah untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Pihak sekolah terutamanya boleh menunjukkan inisiatif dalam menghantar kerja rumah dan memo mengenai aktiviti atau program penting yang dijalankan. Manakala, ibu bapa boleh berkongsi maklumat mengenai kesihatan anak dan sejarah pendidikan kepada guru (Vance 2005). Piper (2012) mengesyorkan pembinaan laman web sekolah sebagai mod tambahan efektif yang dapat diwujudkan dalam komunikasi antara ibu bapa dengan guru. Contohnya, ibu bapa disyorkan melanggan kalendar dinamik yang menggunakan iCal atau RSS yang dapat membantu ibu bapa mengetahui maklumat dan perkembangan anak mereka secara terkini dan lebih kerap.

Selain itu, penglibatan ibu bapa selalunya terbatas akibat penggunaan berlainan bahasa ataupun dialek yang menyebabkan berlakunya kesukaran ibu bapa untuk memahami dan berkongsi pendapat dengan guru mengenai anak mereka. Oleh itu, guru perlu bersiap sedia dan mengetahui bahasa utama dan bersikap fleksibel dalam literasi yang digunakan sepanjang berkomunikasi (Shapiro et al. 2004).

Antaranya, aktiviti komunikasi yang dipraktikkan mampu meningkatkan komunikasi dalam transisi dua hala antara rumah ke sekolah atau dari sekolah ke rumah dalam membina pemahaman dan kerjasama di antara sekolah dan rumah. Ia amat penting bagi tindakan pihak sekolah dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan dengan pihak ibu bapa, terutama kepada ibu bapa yang menggunakan bahasa atau dialek komunikasi yang berlainan (Epstein et al. 2011).

Penglibatan ibu bapa dapat meningkatkan perkhidmatan pendidikan dalam memenuhi keperluan murid berkeperluan khas (Henderson & Mapp 2002). Namun, dalam kajian Norshidah et al. (2001), pengkaji mendapati bahawa tahap penglibatan amat rendah dalam kalangan ibu bapa di sekolah-sekolah PPKI. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau dan mengenal pasti aspek utama yang dapat memangkin peningkatan tahap penglibatan ibu bapa dari segi model Epstein

termasuklah keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti di daerah Klang, Selangor.

Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengupas persoalan berikut:

- i. Apakah tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?
- ii. Apakah aspek utama dalam tahap penglibatan ibu bapa bagi pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) murid berkeperluan khas di sekolah Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini memfokuskan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik Likert-5 sebagai instrumen utama. Kajian tinjauan dijalankan dalam mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI di PPKI. Instrumen soal selidik Likert-5 dibina berdasarkan Model Epstein (Stein 2009). Bagi mengumpul data kuantitatif ini, seramai 90 orang ibu bapa di sekolah PPKI daerah Klang, Selangor telah menawarkan diri untuk mengambil bahagian dalam menyertai soal selidik ini.

Instrumen borang soal selidik yang dibina untuk menjawab persoalan kajian tahap penglibatan ibu bapa ini mempunyai 6 bahagian item soalan yang terdiri daripada keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti.

Pengekodan item menggunakan huruf mengikut aspek-aspek yang dibincangkan dalam borang soal selidik. Item-item soalan ini dibina berdasarkan modifikasi daripada Model Epstein yang mengandungi aspek keibubapaan(A), komunikasi(B), kesukarelawanan(C), pembelajaran di rumah(D), membuat keputusan(E) dan berkolaborasi dengan komuniti(F).

Data kuantitatif di analisis menggunakan SPSS 22 dalam mendapatkan statistik deskriptif nilai min, sisihan piawai dan peratus% dalam mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI ini. Dapatan dalam mengenalpasti aspek utama yang mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa turut direkodkan dalam nilai min, sisihan piawai dan peratus% dalam analisis dapatan. Kriteria pemilihan ibu bapa sebagai peserta kajian adalah berdasarkan beberapa kriteria yang difokuskan iaitu ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas yang bersekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang menjalankan RPI secara aktif berdasarkan pemerhatian dan persetujuan daripada peserta tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Apakah tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?

Perbincangan dapatan kajian ini adalah berasaskan 6 aspek utama yang perlu diikuti oleh pihak ibu bapa dalam memastikan mereka aktif melibatkan diri dalam pelaksanaan RPI di sekolah masing-masing. Antara aspek yang ditinjau adalah dari konstruk keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti. Analisis ini adalah berdasarkan dapatan min, sisihan piawai dan tahap peratusan berdasarkan aspek-aspek penglibatan ibu bapa dalam RPI bagi murid berkeperluan khas. Nilai min bagi item yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dalam RPI ini mencatatkan julat di antara 3.35 dan 3.83. Julat tahap sederhana dan tinggi dicatatkan dalam Jadual 2.

Jadual 1:
Tahap Penglibatan Ibu bapa

Aspek Kekeluargaan	min	sisihan piawai	peratus %
Keibubapaan	3.35	0.535	67.04
Komunikasi	3.83	0.415	76.56
Kesukarelawanan	3.51	0.514	70.02
Pembelajaran di rumah	3.76	0.591	75.10
Membuat keputusan	3.60	0.602	72.18
Berkolaborasi dengan komuniti	3.61	0.572	72.18

Interpretasi data dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa, semua aspek-aspek berada pada tahap yang tinggi dan sederhana. Secara keseluruhan, nilai min keseluruhan yang diperolehi bagi tahap penglibatan ibu bapa mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu nilai min 3.87. Ini menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI di daerah Klang, Selangor adalah di tahap yang tinggi. Penglibatan ibu bapa dalam RPI bagi MBK dari segi aspek komunikasi menunjukkan peratus yang tertinggi iaitu 76.56% dengan nilai min iaitu 3.83 dengan sisihan piawai 0.415.

Ini diikuti dari segi aspek pembelajaran di rumah yang mencatatkan peratus yang tinggi juga iaitu 75.10% dengan nilai min=3.76 dan sisihan piawai=0.591. Aspek ketiga tertinggi melibatkan aspek kolaborasi dengan komuniti yang mencatatkan nilai min 3.61 dengan sisihan piawai 0.572 dan aspek membuat keputusan dengan nilai min 3.60 dan sisihan piawai 0.602 dimana masing-masing turut mencatatkan peratus yang juga tinggi iaitu 72.18% bagi tahap penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI bagi MBK. Aspek kesukarelawanan memperoleh peratus yang juga tinggi iaitu 70.02% yang mencatatkan nilai (min=3.51, sisihan piawai=0.514). Tahap penglibatan ibu bapa dari aspek yang paling rendah adalah aspek keibubapaan yang

mempunyai tahap sederhana dengan peratus 67.04% di mana nilai min=3.35, sisihan piawai=0.535.

Apakah elemen terpenting dalam tahap penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi murid bermasalah pembelajaran di sekolah Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)?

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti item-item yang mencatatkan nilai min yang paling tinggi disetiap aspek-aspek kekeluargaan Epstein. Berdasarkan interpretasi data dalam Jadual 2, elemen komunikasi dikenal pasti sebagai elemen terpenting dalam tahap penglibatan ibu bapa. Ini diterjemahkan dengan nilai min tertinggi mencatatkan (min=4.54, s=.86) bagi item komunikasi B10 (saya selesa untuk berinteraksi atau berkongsi masalah dengan guru berkaitan anak saya).

Diikuti min kedua tertinggi juga dalam item komunikasi B1 (saya sentiasa peka dengan pemberitahuan secara bersemuka, memo, notis, panggilan telefon, buletin dan pelbagai komunikasi yang lain), yang mencatatkan nilai (min=4.42, s=.86) dan berkongsi nilai dengan item berkolaborasi dengan komuniti F1 (saya membantu dalam perkongsian idea berkaitan akses sumber dan latihan luar untuk anak saya).

Jadual 2:

Item-item dalam aspek kekeluargaan Epstein

Bil	Item	min	s
A7	Saya bersama-sama melibatkan diri dalam proses penyediaan RPI yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah anak saya	3.12	.95
B1	Saya sentiasa peka dengan pemberitahuan secara bersemuka, memo, notis, panggilan telefon, buletin dan pelbagai komunikasi yang lain	4.42	.86
B10	Saya selesa untuk berinteraksi atau berkongsi masalah dengan guru berkaitan anak saya	4.54	.86
C1	Saya terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan di sekolah dalam membantu guru, pihak sekolah, murid berkeperluan khas dan ibu bapa yang lain	3.77	.99
D1	Saya mengetahui kaedah@kemahiran yang digunakan dalam pembelajaran anak saya melalui RPI	3.88	1.11
D2	Saya menggunakan dokumen Rancangan Pendidikan Individu (RPI) sebagai bahan rujukan utama dalam mengetahui tahap @ perkembangan anak saya semasa berada di sekolah	4.35	.89

E6	Saya berkeyakinan dengan kemahiran dan pengetahuan guru dalam penyediaan RPI mengikut keperluan anak saya	4.23	.86
F1	Saya membantu dalam perkongsian idea berkaitan akses sumber dan latihan luar untuk anak saya	4.42	.86
Nilai Min Keseluruhan		3.87	

Seterusnya, diikuti dengan nilai min yang agak tinggi iaitu min=4.35, s=.89 di dalam item pembelajaran di rumah D2 (saya menggunakan dokumen Rancangan Pendidikan Individu (RPI) sebagai bahan rujukan utama dalam mengetahui tahap @ perkembangan anak saya semasa berada di sekolah). Selain itu, nilai min bagi membuat keputusan E6 (saya berkeyakinan dengan kemahiran dan pengetahuan guru dalam penyediaan RPI mengikut keperluan anak saya) memperoleh nilai yang agak tinggi juga iaitu nilai min=4.23, s=.86.

Nilai sederhana tinggi mencatatkan nilai min=3.88, s=1.11 didapati dalam item pembelajaran di rumah D1 (saya mengetahui kaedah@kemahiran yang digunakan dalam pembelajaran anak saya melalui RPI) diikuti dengan item kesukarelawanan C1 (saya terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan di sekolah dalam membantu guru, pihak sekolah, murid berkeperluan khas dan ibu bapa yang lain) yang mencatatkan nilai min=3.77, s=.99. Melalui keseluruhan item, item keibubapaan A7 (saya bersama-sama melibatkan diri dalam proses penyediaan RPI yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah anak saya) mencatatkan nilai item yang paling rendah diperolehi (nilai min tahap sederhana) yang mencatatkan nilai min=3.12, s=.95.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut, Ibu bapa dilihat menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap pelaksanaan RPI di sekolah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan pembelajaran yang terbaik dan efektif kepada murid berkeperluan khas. Sokongan penglibatan ibu bapa yang tinggi jelas ditunjukkan dalam data yang diperolehi di mana dapatan kuantitatif menunjukkan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu mencatatkan min 3.87. Ini sekali gus menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa adalah pada tahap tinggi dalam pelaksanaan RPI di sekolah yang mempunyai PPKI di daerah Klang, Selangor. Maka, persoalan kajian pertama terjawab.

Penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI termasuklah menghadiri mesyuarat, membuat keputusan, pentaksiran, penempatan dan implementasi RPI ini terhadap murid berkeperluan khas ini bukanlah satu konsep yang baru diperkenalkan (IDEA 2004). Oleh itu, komunikasi berkesan yang dipraktikkan oleh guru dalam memangkin penglibatan ibu bapa amatlah dititikberatkan dan ini terbukti dan menjawab dalam persoalan kajian kedua di mana, elemen komunikasi mencatatkan min tertinggi yang menjadi pilihan pemangkin tahap penglibatan ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan, bahawa elemen komunikasi merupakan strategi utama yang menggalakkan penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI.

Melalui penyelidikan, didapati bahawa tahap penglibatan ibu bapa dipengaruhi oleh kemahiran interpersonal yang baik antara ibu bapa dan guru-guru dengan mewujudkan persekitaran yang harmoni dalam memberikan keselesaan dalam berkomunikasi. Menurut Pearson (2000), komunikasi interpersonal ini mampu menyelesaikan masalah, mudah berkongsi maklumat, meningkatkan persepsi diri dan memenuhi keperluan sosial.

Malahan, guru-guru turut mengesyorkan komunikasi berkesan dalam kemahiran bukan lisan seperti menggalakkan senyuman, memilih bahasa yang sopan dan sesuai dengan budaya dan latar belakang ibu bapa. Menurut Rahim (2003), komunikasi yang terjejas seperti kegagalan menggunakan bahasa yang bersesuaian akan menyebabkan timbul salah faham mesej sebenar yang ingin disampaikan. Pendek kata, pengkaji kuat merasakan bahawa guru-guru pendidikan khas memerlukan kemahiran komunikasi yang berkesan lebih berbanding dengan rakan arus perdana mereka kerana mereka perlu berurusan dengan ibu bapa kanak-kanak istimewa yang mudah tersinggung (Turnbull et al. 2006).

Oleh itu, ia adalah terbaik untuk menggunakan bahasa yang sopan dan kemahiran bukan lisan apabila berkomunikasi dengan mereka (Friend & Cook 2003). Melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh Ruppert & Gaffney (2011), pihak guru telah melaporkan bahawa segala perbincangan dan komunikasi antara ibu bapa semasa membuat keputusan dalam RPI akan berjaya sekiranya pihak guru mengelakkan dari membangkitkan perbualan yang berunsurkan politik, sensitif atau mengguris hati ibu bapa sepanjang perjumpaan diadakan.

Kajian ini telah menepis semua kebimbangan yang berlaku, apabila dapatan kajian menunjukkan ibu bapa telah merubah pemikiran skeptikal mereka ke arah positif dengan menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi terhadap pelaksanaan RPI yang dijalankan di sekolah. Sarana ibu bapa, komunikasi berkesan dan pendedahan yang meluas mengenai kepentingan RPI memberi keyakinan kepada ibu bapa melibatkan diri (Nora Mislan et al. 2011).

Menurut Pugach dan Hawkins (2004), menyatakan bahawa potensi penghalang penglibatan ibu bapa adalah apabila berlakunya masalah komunikasi. Komunikasi satu hala juga akan menyebabkan berlakunya rasa tidak puas hati dengan layanan guru terhadap mereka dan anak mereka di mana cara disiplin yang diimplementasi terhadap anak mereka tidak bersesuaian dengan apa yang dipersetujui dalam RPI yang dipersetujui bersama (Fish 2004).

Oleh itu, prosedur pelaksanaan RPI yang lebih berstruktur yang diwujudkan dengan usaha KPM, pihak sekolah dan guru-guru mampu memberi pendedahan dan gesaan mengenai kepentingan RPI. Hasilnya, ibu bapa yang terlibat dalam RPI semakin mudah untuk berkolaboratif dalam menghadiri taklimat RPI, mesyuarat dan lebih mengambil tahu dengan kandungan-kandungan dokumen RPI yang ditunjukkan (Gallagher 2015). Oleh itu, penglibatan ibu bapa perlu dititikberatkan bagi memastikan kejayaan bersama dalam pelaksanaan RPI di sekolah.

Perkara ini disokong oleh Hasnah (2013), di mana perbincangan dan penyediaan RPI di sekolah-sekolah di Malaysia sebelum ini adalah kurang berjaya apabila guru

sekolah tidak melibatkan ibu bapa sebagai salah satu ahli pasukan seperti yang dinyatakan dalam buku panduan RPI yang disediakan. Keperluan penglibatan mereka amat diperlukan dalam mengembangkan pengetahuan, sumber rujukan, kemahiran dan penambahbaikan terhadap pembelajaran anak berkeperluan khas mereka (Noraini 2004).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengkaji berpendapat bahawa kejayaan dalam penglibatan ibu bapa semasa pelaksanaan RPI adalah dengan usaha sama dan kemahiran komunikasi guru yang berkesan. Kepentingan hubungan *rappor* dan pembentukan sistem komunikasi yang baik mampu mewujudkan permuafakatan antara ibu bapa dan guru seterusnya berjaya mengimplementasikan RPI dengan jayanya (Staples & Diliberto 2010). Hubungan *rappor* ini boleh diwujudkan lebih awal lagi seperti sebelum hari pertama persekolahan (Scully & Howell 2008)

Menurut Lawson (2003), komunikasi dua hala adalah komunikasi yang paling berkesan untuk menarik minat ibu bapa seiring dengan kenyataan Joshi et al. (2005) yang menyatakan komunikasi ini turut dipengaruhi dengan guru yang mampu menjadi pendengar dan pemberi maklumat kepada ibu bapa bagi menarik minat ibu bapa dalam melibatkan diri dalam pelaksanaan RPI ini.

Ini kerana RPI amat penting bagi ibu bapa untuk mengetahui perkembangan pembelajaran anak mereka. Pihak ibu bapa berkemungkinan akan rasa lebih dihargai dan lebih yakin untuk membincangkan isu-isu dengan guru-guru kerana mereka telah mendapat maklumat yang jelas mengenai pendidikan anak-anak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa guru-guru yang mengamalkan komunikasi yang berkesan membawa kepada kejayaan penglibatan ibu bapa. Inisiatifnya, guru-guru disediakan dengan lebih banyak peluang untuk berinteraksi dengan ibu bapa berbanding dengan pentadbir sekolah. Oleh itu, guru boleh membantu pentadbir dalam merealisasikan kerjasama yang berkesan melalui kemahiran yang mereka miliki.

Kajian ini telah membuktikan kejayaan pengkaji dalam mengenalpasti tahap penglibatan dan dapat menerokai elemen komunikasi sebagai elemen utama yang mempengaruhinya secara positif bagi pelaksanaan RPI di PPKI di daerah Klang, Selangor. Oleh itu, diharap kajian ini mampu memberi panduan kepada pengkaji lain untuk menerokai penglibatan ibu bapa sekaligus mewujudkan hubungan harmoni di antara guru dan ibu bapa.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, A.R. 2006. *Agenda Perubahan : Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Brownell, M.T. & Walther, T.C. 2002. Dr Marilyn Friend. *Intervention In School & Clinic* 37(4): 223
- Carter, N., Prater, M.A., Jackson, A. & Marchant, M. 2009. Educator's perceptions of collaborative planning processes for student with disabilities. *Preventing School Failure* 54(1): 60-70.

- Cashin, S.E. 2010. Increased Communication with Parents of Special Needs Children and its Effect on Special Needs Children's GPA. 6(1). 123-13
<http://www.otterbein.edu/Files/pdf/Education/JTIR/Volume VI/Cashin.pdf> [20 Mei 2016].
- Christle, C.A. & Yell, M.I. 2010. Individualized Education Programs: Legal Requirements and research findings. *Exceptionality* 18: 109-123
- Epstein, J.L., Galindo, C.L., & Sheldon, S.B. 2011. Levels of leadership: effects of district and school leaders on the quality of school programs of family and community involvement. *Educational Administration Quarterly* 47(3): 462-495
- Fish, W.W. 2008. The IEP meeting: Perceptions of parents of students who receive special education services. *Preventing School Failure: Alternative Education for Children and Youth* 53(1): 8-14
- Friend, M., Cook, L. & Cook. 2003. *Interaction: Collaboration Skills For School Professional* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Gallagher, M. 2015. Individualized Education Program: Members attitudes on collaboration and communication. *All Capstone Projects* 145: 1-57
<http://opus.govst.edu/capstones/145> [23 Desember 2016]
- Gartin, B. C. & Murdick, N. L. 2005. IDEA 2004: The IEP. *Remedial and Special Education* 26(2): 327-331.
- Henderson, A.T. & Mapp, K.L. 2002. A new wave of evidence: The impact of school, family and community connections on students achievement. Austin, TX: Southwest Educational Laboratory.
- Hodge, N. & Runswick-Cole, K. 2008. Problematising Parent-Professional Partnerships In Education. *Disability & Society* 23(6): 637-647
http://scholarworks.umass.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1028&context=open_access_d [25 Mei 2016].
- Johnson, L.J., Pugach, M.C. & Hawkins, A. 2004. School-Family Collaboration: A Partnership. *Focus on Exceptional Children* 36(5): 1-13.
- Lawson, M.A. 2003. School-Family Relations In Context: Parent and Teacher Perceptions of Parents Involvement. *Urban education* 38(1): 77-33.
- Madigan, J.C. & Schroth-Cavataio, G. 2011. Building Collaborative Partnerships. *Principal Leadership* 12(3): 26-30.
- Nora Mislan, Azlina Kosnin, Yeo Kee Jiar, Hamdan Said & Dayang Tiawa Awang Haji Hamid. 2011. Parents' Understanding on the Implementation of Individualized Education Programme. *2011 International Conference on Social Science and Humanity IPEDR* 5: 405-410.
- Noraini Zainal Abidin. 2004. Peranan ibu bapa dalam mendidik kanak-kanak berkeperluan khas. *Prosiding Seminar Pendidikan Khas, Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm. 107-115.
- Norshidah Mohd Salleh, Zuria Mahmud dan Zalizan Mohd Jelas. 2001. Kolaborasi antara ibu bapa dengan sekolah dalam Pendidikan Khas. Laporan Projek Jangka Pendek.
- Pearson, J.C. & Nelson, P.E. 2000. *An Introduction to Human Communication Understanding and Sharing*. Amerika Syarikat: McGraw-Hill.
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas). 2013. 18 Julai 2013. P.U.(A)230. Jabatan Peguam Negara.
- Ruppar, A.L. & Gaffney, J.S. 2011. Individualized education program team decisions: A preliminary study of conversations, negotiations, and power. *Research & Practice For Persons with Several Disabilities*. 36(1/2): 11-22.
- Siti Hasnah Bandu .2013. Pemahaman Guru Dan Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Di Sebuah Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Staples, K.E. & Diliberato, J.A. 2010. Guidelines for successful Parent Involvement. *Teaching Exceptional Children* 42(6): 58-63
- Stein, L. B. 2009. The influence of parent and community involvement on local school councils in Massachusetts. *Disertasi Sarjana*: University of Massachusetts.
- Sullivan, C.A. 2015. Examining Parents' Perceptions of the Individualized Education Program Meeting. disertasi Phd. 722. <http://digitalcommons.edu/dissertations/722> [25 Mei 2016].
- Tucker, V. & Schwartz, I. 2013. Parents' Perspectives Of Collaboration With School Professionals: Barriers And Facilitators To Successful Partnerships In Planning For Students With ASD. *School Mental Health* 32(6): 3-14.
- Turnbull, A., Turnbull, R., Erwin, E. & Soodak, L. 2006. Families, professionals and exceptionality; Positive outcomes through partnership and trust (5th ed) Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Tveit, A.D. 2009. A parental voice: parents as equal and dependent-rhetoric about parents, teachers, and their conversations. *Educational Review* 61(3): 289-300.
- Williams-Diehm, K.L., Brandes, J.A., Chesnut, P.W., dan Haring, K.A. 2014. Student and parent IEP collaboration : A comparison across school settings. *Rural Special Education Quarterly*. 33(1): 3-1